

# Luluskan projek rumah berdasarkan permintaan

UM 11 JUN 2003

PUTRAJAYA 10 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya tidak meluluskan projek perumahan sewenang-wenangnya kerana ia akan menyebabkan lambakan dalam industri hartanah di negara ini.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak sepatutnya terpengaruh dengan desakan pemaju sebaliknya sebarang kelulusan untuk projek baru di sesuatu kawasan perlu dibuat berdasarkan permintaan.

Katanya, ini kerana masalah hartanah yang

berlebihan kini masih serius terutama yang melibatkan ruang pejabat dan premis perniagaan.

“Kerajaan tempatan memberi kelulusan tanpa memikirkan sama ada hartanah itu mempunyai pasaran atau tidak.

“Akibatnya, terdapat lebih hartanah di beberapa bandar dan di sekitar Kuala Lumpur,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Sesi Keempat Dialog Bajet 2004 di sini hari ini.

Katanya, masalah lebih hartanah itu bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara termasuk di Johor Bahru.

Katanya, lebih penawaran dalam industri hartanah juga akan menyebabkan berlakunya projek-projek terbengkalai yang memburukkan imej negara.

Sebagai contoh, kata beliau, projek perumahan di Serdang yang kini terbiar adalah memberikan imej yang begitu buruk sekali.

Dalam kes Kuala Lumpur, katanya, masalah menjadi lebih berat kerana mereka yang bekerja di sana memilih untuk membeli kediaman di luar bandar raya itu.

“Kesannya ialah kita dapati terlalu banyak ru-

mah, kedai dan ruang pejabat di Kuala Lumpur,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, banyak bangunan tidak dapat disiapkan kerana tiada permintaan.

Mengenai pelantikan Menteri Pengangkutan baru bagi menggantikan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik yang meletak jawatan, Perdana Menteri berkata: “InsyaAllah, mudah-mudahan, kalau tidak ada apa-apa aral, kita akan lantik.”

Secara berseloroh, beliau berkata: “Saya kena mendapatkan pandangan media, siapakah yang anda fikir (calon yang sesuai).”

Apabila wartawan berkata, beliau telah berjanji membuat pengumuman selepas balik daripada lawatannya ke Jepun dan Perancis, Dr. Mahathir sekali lagi dalam nada berseloroh berkata:

“Saya sudah balik tetapi saya tidak kata sejurus atau tiga hari kemudian.”

Dr. Mahathir kembali ke tanah air Jumaat lepas.

Liong Sik meletak jawatan sebagai Presiden MCA pada 23 Mei dan seminggu kemudian Dr. Mahathir menerima peletakan jawatannya daripada Kabinet.